

IPOH, 26 NOV (BERNAMA) - TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENCADANGKAN SUPAYA PENGUSAHA BUMIPUTERA MENJADI +PAKAR+ DALAM SESUATU LAPANGAN BAGI MEMPASTIKAN KEMAJUAN YANG LEBIH DALAM BIDANG-BIDANG TERTENTU.

KATANYA, JIKA PENGUSAHA BUMIPUTERA DAPAT MEMBERI PERHATIAN BERAT TERHADAP SATU-SATU BIDANG PERUSAHAAN, KERAJAAN DAPAT MEMBERI PEMBAHAGIAN YANG MUDAH KEPADA MEREKA.

BERUCAP DI PERASMIAN MESYUARAT TAHUNAN DEWAN PERTOLONGAN BUMIPUTERA MALAYSIA DI SINI PETANG INI, BELIAU BERKATA +REBUT MEREKUT+ UNTUK MENDAPATKAN PELUANG DALAM SEMUA BIDANG PERUSAHAAN SERING-KALI BERAKHIR DENGAN KEGAGALAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN WALAUPUN BANYAKNYA KEKAYAAN DI NEGARA INI, TETAPI JIKA TERLAMPAU RAMAI BILANGAN YANG CUBA MENDAPATKANNYA, KEKAYAAN TERSEBUT TIDAK BERMAKNA LAGI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENAMBAH, DI KALANGAN BUMIPUTERA ADA TERDAPAT ORANG-ORANG YANG BUKAN PAKAR DI DALAM SESUATU BIDANG DAN TIDAK KENA MENGENA DENGAN BIDANG-BIDANG TERSEBUT, CUBA MENDAPATKAN KEKAYAAN BILA ADA SAHAJA PELUANG TERBUKA. —  
BERSAMBUNG 1737/AZ

#### MAHATHIR-PAKAR 2 IPOH

MENURUTNYA, SIKAP SEUMPAMA ITU JUGA MENYEBABKAN KERAJAAN MENDAPATI SUKAR UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN DAN AKHIRNYA TIADA SIAPA YANG UNTUNG.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YAKIN JIKA SESEORANG PENGUSAHA ITU MEMBERI PERHATIAN BERAT TERHADAP SESUATU BIDANG, MEREKA AKAN MENJADI PENGUSAHA YANG SEBENAR-BENARNYA.

BELIAU JUGA MENYEBUT KESILAPAN ORANG-ORANG MELAYU SEJAK ZAMAN PENJAJAH DAHULU DIMANA MEREKA TIDAK SANGGUP BEKERJA SEHINGGA TERPAKSA MEMBAWA PEKERJA-PEKERJA DARI LUAR NEGERI.

KESILAPAN TERSEBUT, TAMBAHNYA, MASIH TERDAPAT SEKARANG.

MENURUTNYA, BAGI MENGATASI KESILAPAN ITU BUMIPUTERA HENDAKLAH MENGUBAH SIKAP SUPAYA SANGGUP BEKERJA KERAS DAN MENENTUKAN SIKAP TERHADAP SATU-SATU BIDANG.

KERAJAAN, TEGASNYA, AKAN BERUSAHA SUPAYA PEMBAHAGIAN KEKAYAAN NEGARA LEBIH SEIMBANG TETAPI USAHA ITU AKAN GAGAL JIKA SIKAP LAMA ITU MASIH ADA. — BERSAMBUNG 1740/AZ

EE

B587:

#### MAHATHIR-PAKAR 3 IPOH

TIMBALAN PERDANA MENTERI SELANJUTNYA MENGINGATKAN RAKYAT BAHAWA MEREKA KINI +DUDUK+ DIATAS EKONOMI YANG TINGGI NILAINYA.

KATANYA, KEKAYAAN ORANG MELAYU ADALAH BANYAK TETAPI APA YANG DIKEHENDAKKI SEKARANG IALAH KEMAJUAN DALAM SEMUA BIDANG SUPAYA KEKAYAAN ITU DAPAT MEMBERI MAKNA.

KERAJAAN, TAMBAHNYA, SENTIASA BERSEDIA MEMBERI APA JUA BANTUAN TETAPI ORANG-ORANG MELAYU HENDAKLAH MENENTUKAN SIKAP DAN MEMPUNYAI KEYAKINAN BAHAWA MEREKA BOLEH BERJAYA JIKA SANGGUP BEKERJA.

TURUT HADIR DI MAJLIS ITU IALAH MENTERI BESAR PERAK, DATUK SERI HAJI WAM MOHAMED BIN HAJI WAN TEH, SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI PERAK YANG JUGA PENGURUSI DEWAN PERLOMBONGAN BUMIPUTERA MALAYSIA, HAJI AHMAD AZIZUDDIN BIN ZAINAL ABIDIN, DAN AHLI-AHLI EXCO NEGERI. — BERNAMA 1742/AZ